

**PENILAIAN INTERVENSI TERBILANG AKADEMIK SELANGOR (PINTAS) 2026
EKONOMI TINGKATAN 5**

Kertas 1

3767/1

1 jam 15 minit


JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 16 halaman bercetak

**[Lihat halaman sebelah
SULIT**

- 1 Apakah tujuan kerajaan membuat pilihan?
- A Meminimumkan kos pengeluaran
 - B Mengatasi kekurangan sumber modal
 - C Mengoptimum kebajikan masyarakat
 - D Memaksimum kepuasan isi rumah
- 2 Rajah 1 menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran (KKP) bagi barang **H** dan **J**.



Rajah 1

Pilih pasangan yang betul berkaitan KKP di atas.

	Titik	Keterangan
A	P	Lebihan sumber membolehkan kombinasi maksimum 15 unit H dan 4 unit J
B	Q	Kekurangan buruh mengakibatkan pengeluaran kepada 10 unit H dan 4 unit J
C	P ke R	Tambahan seunit J menyebabkan berlaku kos lepas sebanyak 5 unit H
D	Q ke R	Peningkatan 5 unit J akan diikuti dengan pengurangan dalam 10 unit H

[Lihat Halaman Sebelah
SULIT


3 Maklumat berikut menunjukkan ciri bagi satu sistem ekonomi negara W.

- Kebebasan menjana keuntungan maksimum
- Harga ditentukan melalui mekanisme harga

Apakah cara negara W menyelesaikan masalah bagaimana hendak dikeluarkan?

- A Berdasar kepada jumlah permintaan dalam pasaran
 - B Merujuk jenis barang yang dikehendaki pengguna
 - C Mengeluarkan output pada kos yang minimum
 - D Berpandukan kemampuan dimiliki isi rumah
- 4 Pernyataan yang manakah **betul** berkaitan perubahan dalam kuantiti diminta?
- A Berlakunya pertambahan atau pengurangan permintaan
 - B Ditunjukkan oleh peralihan keluk ke kanan atau ke kiri
 - C Berpunca daripada pemilikan pendapatan individu
 - D Disebabkan oleh faktor penentu harga barang itu
- 5 Antara yang berikut, yang manakah **betul** tentang keluk penawaran firma?
- I Menunjukkan hubungan bagi setiap tingkat harga dengan kuantiti
 - II Hubungan antara harga dan kuantiti ditawarkan adalah positif
 - III Keluk akan beralih ke kiri apabila harga barang itu jatuh
 - IV Berbentuk lebih landai berbanding keluk penawaran pasaran
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

6 Rajah 2 menunjukkan keluk penawaran bagi satu jenis barang.



Rajah 2


Pernyataan yang manakah betul tentang rajah di atas?

	Perubahan	Keterangan
A	Titik A → Titik B	Mengakibatkan perubahan dalam kuantiti ditawarkan sebanyak 20 unit
B	Titik A → Titik C	Berpunca daripada menaikkan kos pengeluaran yang menyebabkan kejatuhan kuantiti sebanyak 40 unit
C	RM14 → RM18	Menunjukkan hubungan yang negatif dengan perubahan kuantiti 120 ke 140 unit
D	RM14 → RM10	Berlaku pengurangan penawaran maka kuantiti merosot dari 120 ke 80 unit

7 Pilih pasangan yang betul.

	Rajah	Keterangan
A		Perubahan dari Q_0 ke Q_1 dikenali sebagai pengembangan permintaan
B		Pengurangan dari Q_0 ke Q_1 kesan daripada peningkatan harga barang pengganti
C		Peralihan keluk D_0 ke D_1 berlaku apabila harga dijangka jatuh masa depan
D		Pergerakan D_0 ke D_1 kesan penurunan kadar cukai pendapatan individu

8 Rajah 3 menunjukkan peralihan keluk penawaran bagi suatu barang.




Rajah 3

Pernyataan yang manakah **betul** tentang rajah di atas?

- A Berlaku pengembangan dalam kuantiti ditawarkan sebanyak 80 unit
- B Kuantiti makin naik apabila harga dijangka akan jatuh kepada RM10
- C Perubahan harga barang itu telah menambahkan kuantiti dari 140 ke 220 unit
- D Mengikut hukum penawaran apabila kuantiti meningkat 80 unit pada harga RM20

9 Rajah 4 menunjukkan perubahan keseimbangan pasaran bagi suatu barang.



Rajah 4

Pasangan yang manakah **betul** tentang rajah di atas?

A	RM6	Lebihan penawaran barangan berlaku dengan 18 unit
B	RM4	Firma tentukan kuantiti keseimbangan pada 16 unit
C	S ₀ ke S ₁	Penawaran pasaran telah meningkat sejumlah 8 unit
D	E ₀ ke E ₁	Berlaku pengembangan penawaran sebanyak 6 unit

10 Jadual 1 menunjukkan harga dan kuantiti diminta terhadap dapur elektrik.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
400	1 000
350	1 200

Jadual 1

Berapakah nilai keanjalan harga permintaan barang tersebut jika harga jatuh daripada RM400 kepada RM350?

- A 0.63
- B 0.75
- C 1.33
- D 1.60

11 Jadual 2 menunjukkan peratus perubahan kuantiti diminta dan peratus perubahan harga bagi barang K.

Peratus perubahan kuantiti diminta	Peratus perubahan harga barang itu
50	35

Jadual 2

Pernyataan yang manakah **betul** tentang barang tersebut?

- A Kegunaan yang pelbagai dinikmati oleh masyarakat dalam pasaran
- B Sikap pengguna yang kurang responsif terhadap perubahan harga
- C Peniaga perlu naikkan harga untuk tingkatan jumlah hasil
- D Contoh produk tersebut adalah kategori barang keperluan

12 Antara yang berikut, yang manakah merupakan fungsi bank pusat sebagai pengawal kestabilan nilai mata wang?

- I Mengurus pertukaran ringgit berbanding dolar Amerika
- II Mengubah kadar faedah pinjaman bank perdagangan
- III Mengawal tekanan inflasi dalam negara
- IV Menetapkan sandaran minimum rizab emas


- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

13 Apakah yang menyebabkan kemudahan overdraf menjadi pilihan peniaga?

- A Pulangan atas baki yang tidak dibelanjakan mengikut tempoh matang
- B Bayar balik pinjaman boleh dibuat dalam tempoh jangka panjang
- C Faedah dikenakan berdasarkan jumlah sebenar pengeluaran wang
- D Memudah peniaga untuk membuat pembelian aset tetap syarikat

- 14 Apakah kegiatan ekonomi di sektor kedua?
- A Membina bangunan rumah kediaman
 - B Mengeluar hasil bumi mengikut bentuk asal
 - C Menawar kegiatan sokongan kepada sektor lain
 - D Membekal perkhidmatan untuk kebajikan masyarakat
- 15 Pernyataan yang manakah **betul** tentang faedah sampingan dalam pemilihan pekerjaan?
- A Suasana tempat bekerja yang selesa
 - B Tempoh masa untuk ke tempat kerja cepat
 - C Peluang kenaikan pangkat dalam tempoh bekerja
 - D Kemudahan pengangkutan ke tempat kerja disediakan
- 16 Apakah fitur yang mempengaruhi pembelian secara kredit?
- A Tingkat harga barang yang ditentukan pasaran
 - B Tempoh masa pembiayaan kewangan oleh bank
 - C Baki jumlah bayaran yang perlu dijelaskan
 - D Beban kewangan tanggungan pengguna
- 17 Pilih langkah penyediaan belanjawan peribadi yang **betul**.
- I Mencatat semua jenis barangan dan amaun
 - II Mengimbangi pendapatan dengan perbelanjaan
 - III Menyusun perbelanjaan berdasarkan keutamaan
 - IV Menyenarai pelbagai punca pendapatan yang diterima
- A III, II, I dan IV
 - B II, III, IV dan I
 - C I, IV, II dan III
 - D IV, I, III dan II

- 18 Gambar 1 merupakan sejenis input yang digunakan dalam pengeluaran perabot kayu.



Gambar 1

Pernyataan yang manakah **betul** tentang input tersebut?

- A Berubah mengikut perubahan keluaran
 - B Digunakan walaupun operasi belum bermula
 - C Sukar ditambah dalam jangkamasa pendek
 - D Kos tetap adalah bayaran atas penggunaan
- 19 Jadual 3 menunjukkan keluaran dan kos berubah bagi sebuah firma.

Keluaran (unit)	Kos berubah (RM)
4	80
5	130
6	200

Jadual 3

Berapa kos purata pada keluaran ke 5, jika jumlah kos pada keluaran ke 4 ialah RM120?

- A RM 14.00
- B RM 26.00
- C RM 34.00
- D RM 50.00

20 Pernyataan yang manakah **betul** berkaitan dengan peranan kerajaan sebagai majikan?

- A Membekalkan barang awam untuk kepuasan rakyat
- B Mengawal kestabilan harga barangan dalam pasaran
- C Menyediakan faedah sampingan kepada penjawat awam
- D Melaksana dasar harga minimum demi kebajikan pengguna

21 Pernyataan yang manakah **betul** tentang inflasi tarikan permintaan?

- A Berlaku semasa ekonomi mencapai guna tenaga penuh
- B Berpunca kesan kenaikan nilai mata wang tempatan
- C Kesan daripada peningkatan harga bahan mentah
- D Kenaikkan kos mengimport barangan luar negara

22 Maklumat berikut berkaitan sejenis pengangguran dalam ekonomi.

- Kemerosotan dalam sektor tertentu menyebabkan kehilangan pekerjaan.
- Pekerja tersebut sukar mencari pekerjaan dalam sektor ekonomi yang lain.

Apakah yang menyebabkan situasi tersebut berlaku?

- A Sikap buruh yang terlalu memilih pekerjaan
- B Berlaku ketidakstabilan harga komoditi
- C Kelewatan iklan kekosongan jawatan
- D Firma mengurangkan pengeluaran

23 Pernyataan yang manakah **betul** berkaitan dasar fiskal mengembang?

- A Pembinaan projek pembangunan berkurang
- B Perolehan hasil cukai langsung meningkat
- C Kadar pengangguran cenderung naik
- D Kuasa beli pengguna meningkat



24 Pernyataan yang manakah **betul** tentang cukai tak langsung?

- A Cukai dikenakan ke atas keuntungan syarikat
- B Bayaran adalah terus kepada pemerintah
- C Beban boleh dipindah kepada pihak lain
- D Contoh yang tepat ialah duti setem

25 Maklumat berikut menunjukkan contoh perbelanjaan pembangunan kerajaan.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Penyediaan bekalan elektrik luar bandar – RM485 juta• Pembinaan jalan kampung dan desa – RM280 juta |
|--|

Apakah komponen perbelanjaan tersebut?

- A Keselamatan
- B Perkhidmatan ekonomi
- C Perkhidmatan sosial
- D Pentadbiran am

26 Tindakan kerajaan yang manakah dapat mengatasi masalah kemelesetan?

- A Membeli surat jaminan kerajaan
- B Menaikkan nisbah rizab berkanun
- C Memendek tempoh bayar balik pinjaman pembelian aset
- D Mengehendkan keupayaan bank perdagangan mencipta kredit

27 Tindakan bank pusat yang manakah dapat mengurangkan bekalan wang?

- A Membeli surat jaminan kerajaan
- B Menaikkan kadar faedah pinjaman
- C Menurunkan nisbah rizab berkanun
- D Memanjang tempoh bayar balik pinjaman



- 28 Apakah peranan khusus kerajaan dalam menggalakkan globalisasi?
- A Kemudahan sistem pengangkutan yang lengkap
 - B Laksanakan liberalisasi dalam blok dagangan
 - C Galakkan aktiviti pelancongan antarabangsa
 - D Tingkatkan kemudahan infrastruktur ICT
- 29 Apakah kesan sekatan Perdagangan Antarabangsa dalam bentuk tarif?
- A Harga barang import menurun
 - B Jumlah guna tenaga akan berkurang
 - C Aliran wang ke luar negara meningkat
 - D Permintaan ke atas barang tempatan bertambah
- 30 Pernyataan yang manakah **betul** tentang embargo?
- A Mengurang kos membawa masuk barangan luar
 - B Mengehad jumlah kemasukan barang buatan asing
 - C Menjaga keselamatan daripada kesan luaran
 - D Melarang import barang dari negara tertentu
- 31 Antara yang berikut, yang manakah **betul** tentang komposisi import tak nampak negara.
- I Encik Ahmad dan keluarga bercuti ke Danau Toba Indonesia
 - II Rakyat asing menggunakan pengangkutan penerbangan milik MAS
 - III Buruh mahir tempatan memilih bekerja dalam sektor pembinaan di Dubai
 - IV Pasukan bola sepak kebangsaan menggunakan khidmat jurulatih dari Korea
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

32. Apakah yang mendorong imbalan dagangan cenderung positif?
- A. Peningkatan import produk tempatan oleh syarikat asing
 - B. Firma tempatan menambah pelaburan di negara luar
 - C. Kemasukan pelancong asing bertambah
 - D. Nilai ringgit tinggi di pasaran global

33. Pasangan yang manakah betul tentang perubahan nilai Ringgit Malaysia (RM) kesan kepada perdagangan negara.

	Nilai RM	Keterangan
A	Naik	Lebih banyak wang diperlukan untuk seunit mata wang asing
B	Naik	Harga barangan tempatan mahal di pasaran luar negara
C	Turun	Permintaan ke atas produk eksport akan berkurangan
D	Turun	Imbalan dagangan negara cenderung negatif

34. Situasi yang manakah betul berkaitan permintaan atau penawaran Ringgit Malaysia (RM).

	Situasi	RM
A	Rakyat Jepun ramai yang melancong ke Langkawi	Penawaran
B	Encik Ahmad dan keluarganya melancong ke Vietnam	Permintaan
C	Pasukan bola sepak JDT menggunakan khidmat jurulatih dari Jerman	Penawaran
D	Syarikat kereta di Malaysia meningkatkan permintaan alat ganti dari Jepun	Permintaan

35 Jadual berikut menunjukkan kadar pertukaran di antara Dolar Amerika (USD) dengan Ringgit Malaysia (RM).

Tahun	Kadar Pertukaran Asing
Disember 2023	USD1 = RM3.80
Januari 2024	USD1 = RM4.10

Firma X mengimport satu barang dari Amerika bernilai USD50 000 pada bulan Disember 2023, tetapi pembayaran dilakukan pada Januari 2024.

Situasi yang manakah betul tentang kesan kepada firma X.

	Untung/rugi	Nilai
A	Untung	RM15 000
B	Untung	RM962.80
C	Rugi	RM962.80
D	Rugi	RM15 000

Soalan 36 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual berikut:

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 36 I Firma membuat pilihan kerana kekurangan sumber modal.
II Kesan daripada pilihan akan wujud kos lepas iaitu keuntungan daripada projek pembangunan yang tidak dilaksanakan.
- 37 I Hukum penawaran menyatakan apabila harga meningkat, kuantiti ditawarkan menurun.
II Hukum penawaran digambarkan oleh keluk penawaran yang mencerun ke atas dari kanan ke kiri.
- 38 I Jangkamasa pendek merujuk kepada suatu tempoh masa yang singkat pada mana firma dapat mengubah input tetap dan input berubah.
II Dalam jangkamasa pendek input tetap berubah secara langsung dengan tingkat output.
- 39 I Belanjawan lebihan menunjukkan perbelanjaan kerajaan melebihi jumlah hasil.
II Belanjawan lebihan dilaksanakan bertujuan untuk mengawal tekanan inflasi.
- 40 I Penawaran ke atas Ringgit Malaysia berhubung secara langsung dengan permintaan terhadap barang import.
II Contoh berlaku penawaran ringgit ialah Jepun meningkatkan import dari Malaysia.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT